NEUROTISME DALAM NOVEL *THRILLER* PSIKOLOGI MALAYSIA DAN ENGLAND: SATU KAJIAN PERBANDINGAN WATAK DALAM NOVEL *RAHSIA PERINDU* (2005) DAN *THE SILENT PATIENT* (2019)

(*Neuroticism in Malaysian and English Psychological Thriller Novels: A Comparative Study of Characters in* Rahsia Perindu *(2005) and* The Silent Patient *(2019)*)

Nurafrina Abdul Aziz[1]
nurafrinaaziz31@gmail.com

Rohaya Md. Ali[2]
aya@uum.edu.my

Mohamed Nazreen Shahul Hamid[3]
nazreen@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia, 06010, UUM Sintok, Kedah, Malaysia.[1,2 & 3]

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):[3]

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Nurafrina Abdul Aziz, Rohaya Md. Ali, & Mohamed Nazreen Shahul Hamid. (2025). Neurotisme dalam novel thriller psikologi Malaysia dan England: Satu kajian perbandingan watak dalam novel *Rahsia Perindu* (2005) dan *The Silent Patient* (2019). *Malay Literature, 38*(1), 145–174. https://doi.org/10.37052/ml38(1)no7

Received: *Peroleh*:	7/11/2024	Revised: *Semakan*	8/4/2025	Accepted: *Terima*:	6/6/2025	Published online: *Terbit dalam talian*:	26/6/2025

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda *(This article has undergone a double blind peer-review process)*

Abstrak

Neurotisme merupakan personaliti yang berkaitan dengan kecenderungan individu untuk mengalami kebimbangan, ketegangan dan ketakutan yang berlebihan. Gejala neurotisme berlaku atas beberapa sebab tertentu dan lazimnya berlaku dalam situasi gawat yang diperlihatkan dalam karya sastera seperti novel *thriller*

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2025. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives 4.0 International (CC BY-NC-ND 4.0)

e-ISSN: 2682-8057

psikologi. Namun begitu, kajian berkaitan dengan neurotisme yang menggunakan karya sastera masih memperlihatkan kelompangan yang besar. Kajian ini bertindak dengan objektif untuk menyelidik punca serta kesan neurotisme dan cara mengatasinya secara perbandingan berdasarkan watak-watak yang terdapat dalam dua buah novel *thriller* psikologi, iaitu *Rahsia Perindu* (2005) karya Ramlee Awang Murshid dari Malaysia dan *The Silent Patient* (2019) karya Alex Michaelides dari England. Kajian ini menggunakan kaedah analisis tekstual dalam membandingkan kedua-kedua buah novel *thriller* psikologi tersebut berpandukan kerangka Teori *The Big Five Personality* oleh Paul Costa dan Robert McRae (1992). Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa neurotisme dalam kedua-dua novel *thriller* psikologi tersebut berpunca daripada kemurungan, permusuhan, kebimbangan yang melampau dan pendedahan kepada tekanan. Kesan neurotisme pula melibatkan impulsif yang mendorong kepada pembunuhan. Kedua-dua buah novel *thriller* psikologi ini menonjolkan cara mengatasi gejala neurotisme yang berbeza, yakni berdasarkan budaya, ajaran, agama dan persekitaran watak-watak yang tidak berkongsi lokaliti serupa. Kajian ini penting dalam memperlihatkan pemikiran dan kreativiti pengarang Malaysia dan England dalam mengetengahkan neurotisme dalam karya mereka. Kajian ini juga penting dalam menjadi panduan kepada khalayak dalam memahami neurotisme dan isu psikologi dalam aspek yang lebih besar serta mengangkat kajian sastera yang merentas disiplin dalam bidang keilmuan.

Kata kunci: Novel, *thriller* psikologi, neurotisme, kajian perbandingan, watak, personaliti.

Abstract

Neuroticism is a personality trait associated with an individual's tendency to experience extreme anxiety, tension and fear. This condition occurs due to specific reasons and usually in high-stress situations, as depicted in literary works such as psychological thriller novels. However, research on neuroticism in literature remains a significant gap. This study's objective aims to examine the causes and effects of neuroticism and how it is addressed through a comparative analysis of characters found in two psychological thriller novels, namely Rahsia Perindu (2005) by Malaysian author Ramlee Awang Murshid and The Silent Patient (2019) by English author Alex Michaelides. This study uses textual analysis to compare both novels, guided by Paul Costa and Robert McRae's (1992) Big Five Personality Theory as

the framework. The findings reveal that neuroticism in the two novels stems from depression, hostility, extreme anxiety and exposure to stress. The consequences of neuroticism often involve the impulsive drive to murder. Both novels present different approaches to coping with neuroticism, shaped by the characters' respective culture, teachings, religion and environment. This study is important in highlighting the thoughts and creativity of Malaysian and English authors in portraying neuroticism in their works. It is also important in serving as a guide for readers to understand neuroticism and psychological issues on a broader scale while contributing to interdisciplinary literary research.

Keywords: Novel, psychological thriller, neuroticism, comparative study, character, personality

PENGENALAN

Neurotisme merupakan satu dimensi personaliti dalam psikologi yang merujuk kepada kecenderungan individu mengalami emosi negatif seperti kebimbangan, kemurungan, dan ketakutan yang berlebihan (Widiger & Oltmanns, 2017). Mereka yang memiliki tahap neurotisme yang tinggi lazimnya mudah terjejas oleh tekanan dan cenderung bersikap impulsif. Teori *The Big Five Personality* oleh Paul Costa dan Robert McRae (1992) mengklasifikasikan neurotisme sebagai satu daripada lima faktor utama personaliti manusia, selain ekstraversi (*extraversion*), keterbukaan kepada pengalaman, kebersetujuan (*agreeableness*), dan kesungguhan. Menurut Samsiah Mohd. Jais et al. (2015), individu neurotik sering menyalahkan diri, memiliki harga diri yang rendah, dan berdepan konflik dalaman yang mengganggu keseimbangan emosi dan fungsi harian.

Konsep neurotisme bukan sahaja signifikan dalam bidang psikologi klinikal, malah turut diterapkan dalam sastera, khususnya dalam genre *thriller* psikologi. Genre ini menampilkan watak-watak yang sarat dengan tekanan emosi, paranoid, dan tindak balas di luar jangkaan. Dalam konteks sastera, penggambaran watak-watak neurotik bukan sahaja menghidupkan penceritaan tetapi juga mencerminkan sisi psikologi manusia yang kompleks. Watak-watak sebegini mendorong perkembangan plot dan mencetuskan ketegangan dramatik yang merupakan ciri utama dalam *thriller* psikologi.

Teknik penceritaan seperti *unreliable narrator* sering digunakan dalam genre ini, menjadikan pembaca tidak pasti tentang realiti sebenar dalam

cerita. Watak-watak dengan gangguan emosi sering kali menjadi alat untuk membentuk naratif yang tidak linear dan sarat dengan kejutan. Hal ini dapat dilihat dalam karya seperti *Gone Girl* (2012) dan *The Girl on the Train* (2015), yang menampilkan protagonis bermasalah psikologi sebagai penggerak utama cerita.

Dalam konteks Malaysia, genre *thriller* psikologi semakin mendapat tempat dalam kalangan pembaca, khususnya menerusi karya-karya Ramlee Awang Murshid seperti *Rahsia Perindu* (2005). Menurut Hafizah Iszahanid (2019), penerbitan karya bergenre thriller oleh syarikat seperti Buku FIXI telah memperluas pasaran dan minat pembaca terhadap genre ini. Di Barat pula, karya seperti *The Silent Patient* (2019) karya Alex Michaelides mencipta fenomena dengan naratif yang membangkitkan persoalan psikologi dan moral, sekali gus menunjukkan daya tarikan universal genre ini.

Berdasarkan dapatan Nielsen BookScan (2018), jualan novel bergenre *thriller* mencatat peningkatan ketara, menandakan minat yang tinggi terhadap cerita yang meneroka ketidaktentuan psikologi manusia. Hal ini menunjukkan bahawa watak-watak yang mengalami ketidakstabilan emosi tidak hanya berfungsi sebagai elemen dramatik, tetapi juga sebagai simbol realiti masyarakat yang kian bergelut dengan isu-isu kesihatan mental.

Karya sastera juga berfungsi sebagai ruang untuk membicarakan isu-isu psikologi seperti trauma, kemurungan, dan kebimbangan. Watak-watak dengan unsur neurotisme yang tinggi sering kali diangkat sebagai cerminan kepada konflik batin dan ketegangan sosial. Dalam *Rahsia Perindu*, trauma masa kecil watak Maria memberikan kesan jangka panjang terhadap emosinya. Manakala, menerusi *The Silent Patient*, watak-watak seperti Alicia dan Theo menunjukkan kesan neurotisme yang berpunca daripada pengalaman lampau dan pengkhianatan dalam perhubungan.

Seiring dengan perkembangan kajian interdisiplin yang menggabungkan sastera dan psikologi, kajian ini mengaplikasikan teori *The Big Five Personality* oleh Costa dan McRae (1992) bagi memahami punca, kesan, dan cara watak-watak mengatasi gejala neurotisme dalam dua buah novel thriller psikologi dari Malaysia dan England. Analisis ini bukan sahaja memperlihatkan keunikan pendekatan kedua-dua pengarang dalam menggambarkan konflik psikologi watak, tetapi juga menyorot pengaruh budaya dan konteks sosial dalam penjanaan naratif.

Kajian ini sekali gus mengisi jurang penyelidikan dalam pengaplikasian teori psikologi ke atas karya sastera, khususnya dalam memahami bagaimana neurotisme membentuk pembangunan watak dalam genre

thriller psikologi. Penelitian ini juga penting dalam memperluas wacana kesusasteraan Malaysia ke arah pendekatan rentas disiplin yang lebih kritikal dan relevan dengan realiti kontemporari.

KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai neurotisme dalam sastera, khususnya dalam novel *thriller* psikologi, masih merupakan bidang yang kurang diterokai. Sebahagian besar kajian terdahulu lebih banyak memberi tumpuan kepada aspek psikologi klinikal, personaliti, serta kesan neurotisme dalam aspek kehidupan sebenar (Widiger & Oltmanns, 2017). Kajian terdahulu yang mengkaji aspek yang sama lebih banyak menumpukan perhatian terhadap aspek saintifik, menyebabkan perbincangan tentang watak-watak yang mengalami neurotisme dalam karya sastera kurang diberikan perhatian kritis. Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi jurang dalam penyelidikan sedia ada, terutamanya dalam memahami bagaimana neurotisme digambarkan dalam sastera secara lebih mendalam dan bermakna.

Kajian Personaliti dan Neurotisme dalam Sastera

Neurotisme merupakan dimensi utama dalam model personaliti *Big Five* yang merangkumi kecenderungan individu untuk mengalami emosi negatif seperti kebimbangan, kemurungan dan permusuhan (Costa dan McCrae, 1992). Selain itu, individu neurotik suka meletakkan kesalahan pada diri, maka perkembangan mereka daripada pelbagai aspek terbantut. Mereka kelihatan seperti manusia normal tetapi mempunyai konflik dalaman yang tinggi (Samsiah Mohd. Jais et al., 2015). Neurotisme dalam sastera telah dianalisis dalam beberapa kajian, namun kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada kajian psikologi watak dalam aspek budaya dan sosial tertentu. Kajian oleh Rosli Abd Manas et al. (2021) membincangkan bagaimana unsur *thriller* dalam sastera mencipta pengalaman emosi yang kuat bagi pembaca. Menurut kajian tersebut, elemen saspens dan ketegangan dalam novel *thriller* memberikan gambaran psikologi yang mendalam terhadap watak, terutamanya dalam menunjukkan bagaimana tekanan emosi mempengaruhi tindakan mereka. Sejarah genre *thriller* juga menunjukkan bahawa tema ketegangan psikologi sering digunakan untuk menggambarkan keadaan mental yang tidak stabil, seperti yang dapat dilihat dalam novel klasik seperti *The Spy* (1821) oleh James Fenimore Cooper dan karya moden seperti *Gone Girl* (2012) oleh Gillian Flynn.

Kajian Mengenai Thriller Psikologi dalam Konteks Malaysia dan England

Kajian oleh Hafizah Iszahanid (2019) menunjukkan bahawa genre *thriller* semakin mendapat tempat dalam pasaran Malaysia, terutamanya melalui penerbitan syarikat seperti Buku FIXI yang menampilkan pelbagai karya bergenre *thriller* dan seram. Ramlee Awang Murshid merupakan antara pengarang tempatan yang prolifik dalam genre ini, yang mana novelnya seperti *Rahsia Perindu* (2005) memperlihatkan pengolahan naratif yang sarat dengan elemen psikologi. Di England, novel *thriller* psikologi seperti *The Silent Patient* (2019) karya Alex Michaelides berjaya mendapat perhatian antarabangsa dengan pendekatan penceritaan yang lebih rumit dan penuh teka-teki.

Kajian perbandingan antara novel *thriller* psikologi dari dua budaya yang berbeza ini penting dalam melihat bagaimana neurotisme ditonjolkan dalam sastera berdasarkan konteks budaya dan sosial yang berbeza. Novel *Rahsia Perindu* (2005) mengangkat elemen agama dan moral dalam menangani isu psikologi watak, sementara *The Silent Patient* (2019) lebih cenderung memaparkan penyelesaian yang berasaskan rawatan psikiatri dan tingkah laku impulsif. Kajian ini selanjutnya menyoroti bagaimana kedua-dua penulis novel ini menterjemahkan gejala neurotisme dalam watak utama mereka dan bagaimana latar belakang budaya mempengaruhi penyelesaian konflik yang dialami oleh watak-watak tersebut.

Berdasarkan kajian terdahulu, jelas bahawa analisis neurotisme dalam sastera masih mempunyai ruang yang luas untuk diterokai. Penggunaan Teori *The Big Five Personality* (1992) dalam kajian ini memberikan landasan teori yang kukuh untuk memahami bagaimana ciri-ciri neurotisme mempengaruhi tindakan dan pemikiran watak dalam novel *thriller* psikologi. Kajian ini juga menekankan kepentingan aspek budaya dalam membentuk naratif dan penyelesaian terhadap konflik psikologi dalam karya sastera.

METODOLOGI

Kerangka Teori Psikologi *The Big Five Personality*

Kajian ini menggunakan teori *The Big Five Personality* oleh Paul Costa dan Robert McCrae (1992) sebagai kerangka teori. Teori ini mengklasifikasikan lima dimensi utama personaliti manusia, iaitu: (1) kepersetujuan (*agreeableness*), (2) kesungguhan (*conscientiousness*), (3) neurotisme (*neuroticism*), (4) ekstraversi (*extraversion*), dan (5) keterbukaan kepada pengalaman (*openness to experience*). Teori ini membolehkan analisis

lebih sistematik terhadap watak dalam novel berdasarkan kecenderungan emosi dan reaksi mereka terhadap konflik psikologi.


Asas kepada teori ini bermula dengan pendekatan leksikal yang diperkenalkan oleh Sir Francis Galton pada tahun 1884. Pendekatan ini kemudiannya dikembangkan oleh Gordon Allport dan Henry Odbert yang mengkaji sifat-sifat manusia dalam kamus, sebelum diperkukuh oleh Edward C. Tupes dan Raymond E. Christal pada tahun 1961 yang mengenal pasti lima faktor utama. Lewis Goldberg kemudian memperkenalkan istilah "Big Five", manakala Paul Costa dan Robert McCrae (1992) menyempurnakannya melalui instrumen *NEO Personality Inventory-Revised* (NEO-PI-R).

Dalam konteks kajian ini, dimensi neurotisme menjadi tumpuan utama. Individu dengan tahap neurotisme yang tinggi cenderung mengalami tekanan emosi, ketakutan berlebihan, serta tingkah laku impulsif (Widiger & Oltmanns, 2017). Teori ini memberi asas yang kukuh untuk meneliti bagaimana pengalaman masa lalu dan tekanan semasa mempengaruhi perkembangan psikologi watak dalam dua novel *thriller* psikologi yang dikaji.

Teori ini sesuai diaplikasikan dalam kajian sastera kerana ia membantu menganalisis tindakan dan pemikiran watak secara mendalam. Genre thriller psikologi sering menampilkan konflik dalaman dan trauma yang mencetuskan ketegangan naratif. Oleh itu, penggunaan kerangka ini memberikan panduan berstruktur dalam menilai sejauh mana gejala neurotisme mendorong kepada tindakan ekstrem seperti pembunuhan atau pengasingan diri.

Rajah 1 menunjukkan lima dimensi utama personaliti manusia yang mempengaruhi corak pemikiran dan tingkah laku. Fokus utama kajian ini ialah pada dimensi neurotisme, yang meliputi kemurungan (*depression*), permusuhan (*hostility*), kebimbangan melampau (*anxiety*), pendedahan kepada tekanan (*vulnerability to stress*), impulsif (*impulsiveness*), dan kesedaran diri (*self-consciousness*).

Rajah 2 menunjukkan perbezaan skor neurotisme berdasarkan instrumen NEO-PI-R. Individu dengan skor tinggi cenderung menunjukkan emosi negatif yang ekstrem dan reaksi tidak rasional, manakala individu dengan skor rendah lebih stabil emosi dan mampu mengurus tekanan dengan berkesan. Rajah ini menjadi asas dalam mengenal pasti tingkah laku watak-watak dalam *Rahsia Perindu* (2005) dan *The Silent Patient* (2019), khususnya dalam mengenal pasti unsur neurotik yang mencetuskan konflik utama.



Rajah 1 Dimensi The Big Five Personality.
Sumber: http://www.handresearch.com/diagnostics/5-factor-model-proflles-big-five-personality-spectrum-expert-consensus-ratings.html

Kajian ini menggunakan kaedah analisis tekstual berdasarkan dua buah novel, iaitu Rahsia Perindu karya Ramlee Awang Murshid dari Malaysia dan *The Silent Patient* karya Alex Michaelides dari England. Kedua-dua teks dianalisis secara komparatif untuk mengenal pasti punca, kesan, dan cara mengatasi gejala neurotisme melalui kerangka teori Costa dan McCrae (1992).

The Five-Factor Model of Personality		
Factor	**Low Score Description**	**High Score Description**
Neuroticism	Calm, Even-tempered, Self-satisfied, Comfortable, Unemotional, Hardy	Worrying, Temperamental, Self-pitying, Self-conscious, Emotional, Vulnerable
Extraversion	Reserved, Loner, Quiet, Passive, Sober, Unfeeling	Affectionate, Joiner, Talkative, Active, Fun-loving, Passionate
Openness to Experience	Down-to-earth, Uncreative, Conventional, Prefer routine, Uncurious, Conservative	Imaginative, Creative, Original, Prefer variety, Curious, Liberal
Agreeableness	Ruthless, Suspicious, Stingy, Antagonistic, Critical, Irritable	Softhearted, Trusting, Generous, Acquiescent, Lenient, Good-natured
Conscientiousness	Negligent, Lazy, Disorganized, Late, Aimless, Quitting	Conscientious, Hardworking, Well-organized, Punctual, Ambitious, Persevering
Taken from McCrae and Costa (2003)		

Rajah 2 Skor The Five-Factor Model
Sumber: *The SAGE handbook of personality theory and assessment, Vol. 2.(2008, hlm.15)*

Melalui pendekatan ini, kajian dapat mengupas bagaimana neurotisme memberi kesan langsung terhadap perkembangan plot, tingkah laku watak, dan mesej naratif dalam kedua-dua karya. Di samping itu, latar budaya yang berbeza antara Malaysia dan England membolehkan kajian mengenal pasti perbezaan serta persamaan dari segi manifestasi neurotisme dan penyelesaiannya dalam konteks budaya dan sosial yang berbeza..

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dapatan dan perbincangan kajian ini terbahagi kepada punca, kesan dan cara mengatasi neurotisme yang terdapat dalam novel *thriller* psikologi *Rahsia Perindu* oleh Ramlee Awang Murshid dan *The Silent Patient* oleh Alex Michaelides. Dapatan dan perbincangan dilakukan dengan menggunakan teori *The Big Five Personality* oleh Paul Costa dan Robert McRae (1992) untuk merungkai objektif kajian.

Analisis Punca Neurotisme dalam Novel Thriller Psikologi Malaysia dan England

Novel thriller psikologi sering menggambarkan watak-watak yang terganggu dari segi mental dan emosi. Berdasarkan Teori The Big Five Personality oleh Costa dan McRae (1992), hampir semua gangguan personaliti dikaitkan dengan tekanan emosi yang menjadi ciri neurotisme. Antara punca utama neurotisme yang dikenalpasti dalam kajian ini termasuklah kemurungan (*depression*), permusuhan (*hostility*), pendedahan kepada tekanan (*vulnerability to stress*), dan kebimbangan melampau (*anxiety*).

Kemurungan (Depression)

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2012), kemurungan ialah gangguan perasaan serius yang menyebabkan individu mengalami kesedihan berpanjangan, keletihan, cepat marah dan hilang minat terhadap aktiviti harian, dan boleh dialami oleh sesiapa sahaja. Ia boleh berlangsung selama berminggu-minggu, malah hingga bertahun-tahun, biasanya berpunca daripada peristiwa hidup atau kekurangan sokongan keluarga.

Dalam *Rahsia Perindu*, watak Maria digambarkan mengalami kemurungan akibat trauma masa kecil. Beliau dibesarkan dalam persekitaran yang menyakitkan berbanding gadis sebaya, yakni kehilangan rasa aman, didera secara emosi dan fizikal. Trauma sejak usia muda ini telah memberi kesan mendalam yang berterusan sehingga dewasa, mencerminkan bagaimana kemurungan berpunca daripada pengalaman awal yang menyayat hati.

Watak utama dalam *Rahsia Perindu*, Maria, mengalami trauma sejak kecil akibat persekitaran keluarga yang penuh keganasan. Bapanya seorang

pemabuk yang sering memukul ibunya dan merogol Maria sendiri. Maria membesar dalam ketakutan tanpa mampu mempertahankan diri. Keadaan ini dipaparkan seperti berikut (Ramlee Awang Murshid, 2005):

> Maria tunduk membisu. Hatinya menyimpan dendam yang teramat parah sehingga melukai jiwanya sendiri. Fikirannya berat dibebani masalah itu sehingga mengganggu fungsi normal mindanya. Maria hilang keyakinan. Impak itu akan berpanjangan. Ia ibarat titik hitam yang semakin membesar membutakan mata hati, sekali gus membutakan fikiran. (hlm. 467)

> Maria ketakutan yang teramat sangat. Ketika ini dia bersembunyi di dalam almari pakaian. Tubuhnya menggigil. Tangisannya bagaikan hujan mecurah dari langit yang seakan tidak mahu berhenti. (hlm. 471)

Pengalaman ngeri ini menyebabkan Maria menghidap kemurungan sejak usia muda, kehilangan keyakinan diri dan berperilaku tertutup. Menurut Costa dan McRae (1992), kemurungan memberi kesan langsung kepada imej diri individu, mendorong rasa rendah diri yang ketara. Mereka menjelaskan bahawa kesan kemurungan ini merupakan antara indikator utama dalam dimensi neurotisme. Maria yang sering menyendiri dan diliputi ketakutan mencerminkan dampak trauma mendalam. Tindak balas ini menggambarkan bagaimana trauma seksual yang dialami sejak kecil menyumbang kepada perkembangan neurotisme, apabila seseorang mula menganggap penderitaan sebagai norma kehidupan.

Sama seperti *Rahsia Perindu*, novel *The Silent Patient* turut menampilkan watak yang mengalami kemurungan akibat trauma awal usia. Theo Faber, salah seorang watak utama, menggambarkan pengalaman dibesarkan dalam persekitaran penuh ketakutan dan ancaman emosi yang berpunca daripada bapa yang sering bertindak kasar. Trauma ini berakar daripada hubungan tidak selamat antara ayah dan anak, seperti yang dinyatakan dalam petikan (Michaelides, 2019:11):

> *In my case, I grew up feeling edgy, afraid... around whom I was never safe.*

> *My father's unpredictable and arbitrary rages... a rag doll discarded by an angry toddler.*

> [Dalam pengalaman saya, saya membesar dengan perasaan sentiasa terancam... hubungan saya dengan bapa, yang kehadirannya tidak pernah memberikan rasa aman.

> Kemarahan bapa yang tidak dapat dijangka... ibarat boneka kain yang telah dicampak oleh seorang anak kecil yang sedang marah."]

Kisah penderaan ini menunjukkan bagaimana trauma zaman kanak-kanak meninggalkan kesan psikologi mendalam hingga dewasa, seterusnya mencetuskan gejala neurotisme. Kekejaman bapa bukan sahaja merosakkan emosi kanak-kanak, malah mempengaruhi kestabilan mental watak dewasa yang dibentuk daripadanya.

Kemurungan akibat trauma awal turut dialami Alicia Berenson, seorang pesakit mental yang membunuh suaminya dalam *The Silent Patient* (2019). Semasa kecil, Alicia mengalami insiden tragik apabila ibunya memandu laju menuju tembok batu dengan Alicia turut berada di dalam kereta. Insiden itu menimbulkan kekeliruan dan trauma berkekalan sama ada ibunya cuba membunuh diri atau membunuh Alicia (Michaelides, 2019:54):

> *Why did she do it?... it was me she's trying to kill, not herself."*
>
> [Mengapa dia melakukannya?... Sayalah yang ingin dibunuh, bukan dirinya.]

Petikan ini jelas menunjukkan kesan peristiwa traumatik yang mencengkam minda seorang anak kecil hingga ke usia dewasa. Ketidakpastian terhadap niat ibunya mencetuskan perasaan tidak selamat yang mendalam. Keadaan ini menyumbang kepada gejala kemurungan dan menjadi antara penyebab utama neurotisme dalam diri Alicia. Maka, dapat disimpulkan, trauma sejak kecil mewujudkan keretakan psikologi yang mengaburkan garis antara betul dan salah, sekali gus mempengaruhi tindakan ekstrem ketika dewasa.

Permusuhan (Hostility)

Menurut Umar Mukhtar (2016), permusuhan sering berpunca daripada rasa kesumat dan hasad dengki, iaitu keinginan untuk membalas dendam secara kejam terhadap individu lain. Dendam timbul apabila perasaan marah yang mendalam tidak dikawal, lalu berubah menjadi ketidakpuasan hati yang berterusan. Dalam Islam, dendam dianggap sebagai sifat yang harus dielakkan. Mukmin (2022) menegaskan bahawa umat Islam dituntut untuk memilih memaafkan kerana dendam yang dipendam hanya akan memudaratkan diri sendiri. Sebaliknya, kita dianjurkan untuk menyerahkan pembalasan kepada Allah SWT atas kezaliman yang dilakukan orang lain.

Dalam *Rahsia Perindu*, perasaan dendam yang kuat menjadi punca gejala neurotisme kepada watak Rashdan, adik kepada Hamdan yang

mati dibunuh. Rashdan mempercayai bahawa Harris, suami Maria, adalah pembunuh abangnya kerana cemburu terhadap perasaan Hamdan kepada Maria. Dendam ini mendorong Rashdan merancang pembunuhan Maria semata-mata untuk melihat Harris menderita. Hal ini tergambar dalam petikan (Ramlee Awang Murshid, 2005:133):

> Rashdan belum mahu terlelap... dendamnya pada Harris masih beraja di hati...
>
> Ya! Aku bunuh Maria sebab Harris terlalu mencintai Maria...

Rashdan bertindak melulu sebelum kebenaran terungkap, membuktikan bagaimana permusuhan dan sangkaan tanpa asas boleh merosakkan pertimbangan waras. Dendam yang berakar daripada sangkaan salah akhirnya membawa kepada kegagalan dan kehancuran emosinya sendiri.

Menerusi *The Silent Patient*, Alex Michaelides menampilkan elemen permusuhan dan dendam menerusi kisah kecurangan Kathy terhadap suaminya, Theo Faber. Kesetiaan yang dikhianati dalam perkahwinan telah mencetuskan rasa marah, benci dan dendam mendalam dalam diri Theo, seperti yang dinyatakan (Michaelides, 2019:222):

> *I burned with hate... Was I guilty of – except falling in love? Was it that I loved too deeply, too needily? Too much?*
>
> [Saya dilanda kebencian... Adakah kerana saya mencintai terlalu dalam, terlalu memerlukan, terlalu berlebihan?]

Pengkhianatan ini menjadikan Theo mempertikai dirinya sendiri walaupun kesalahan dilakukan oleh pasangan. Krisis emosi ini memperlihatkan manifestasi gejala neurotisme, khususnya dalam bentuk permusuhan. Menurut Costa dan McRae (1978), krisis pertengahan usia sering dikaitkan dengan peningkatan neurotisme: "*...instead, it is likely to be the manifestation of neuroticism during middle adulthood.*" Dalam kes Theo, dendam yang dipendam akhirnya meledak, menandakan tekanan emosi yang tidak lagi terkawal apabila berdepan kekecewaan mendalam.

Petikan di atas juga mengukuhkan bahawa dendam ialah sifat yang merugikan dan bertentangan dengan ajaran Islam. Dendam bukan sahaja mencetuskan gejala neurotisme, tetapi juga mendorong individu melakukan tindakan yang tidak rasional. Islam mengajar umatnya agar memaafkan dan menyelesaikan konflik secara damai. Jika dibiarkan berakar, rasa benci

dan dendam yang timbul daripada pengkhianatan mampu memudaratkan diri sendiri serta mengganggu keseimbangan emosi, sekali gus menjadi pencetus kepada ketidakstabilan psikologi dalam hubungan dan kehidupan seharian.

Terdedah kepada Tekanan (Vulnerability to Stress)

Terdedah kepada tekanan sering berpunca daripada pengalaman masa lalu yang gelap dan memberi kesan jangka panjang. Firdaus Abdul Ghani (2013) menjelaskan bahawa tekanan berterusan yang tidak dikendalikan dengan baik boleh meningkatkan risiko penyakit mental seperti kemurungan, bipolar dan skizofrenia. Faktor seperti sejarah keluarga, ketidakseimbangan kimia otak, keabnormalan neurologi serta masalah personaliti turut menjadi penyumbang.

Salah satu bentuk tekanan paling serius ialah amang seksual, iaitu perbuatan memaksa seseorang untuk terlibat dalam aktiviti seksual tanpa kerelaan. Menurut Fatin Zahra (2023), amang seksual melibatkan paksaan, ugutan atau tipu daya untuk melakukan perbuatan seperti menyentuh, mencium, atau hubungan seks tanpa persetujuan. Mangsa boleh terdiri daripada individu pelbagai usia, termasuk kanak-kanak, dan pengalaman ini boleh menyebabkan trauma mendalam yang menjadikan mereka lebih mudah terdedah kepada tekanan dan gangguan emosi jangka panjang.

Dalam *Rahsia Perindu* (2005), Maria menjadi mangsa amang seksual oleh bapanya sendiri yang merogolnya berulang kali dan memaksanya merahsiakan kejadian itu daripada ibunya. Malah, dia mengugut akan membunuh isterinya jika Maria membuka mulut. Kejadian ini digambarkan dengan jelas (Ramlee Awang Murshid, 2005:466):

> Ketakutan Junaidah akhirnya menjadi kenyataan... Maria juga menjadi mangsa rogol ayahnya sendiri...

Petikan tersebut menggambarkan betapa dahsyatnya penderitaan yang dialami Maria. Bapa yang seharusnya menjadi pelindung, menjadi pemangsa. Pengalaman traumatik ini bukan sahaja menyeksa fizikal dan emosi Maria, malah menjadikan dirinya terdedah kepada tekanan berpanjangan yang mengakar kepada gejala neurotisme. Kejadian sebegini juga menekankan pentingnya kesedaran dalam membuat keputusan perkahwinan dan keibubapaan yang bertanggungjawab.

Kesan amang seksual bukan sahaja mencetuskan tekanan emosi, malah turut mengubah personaliti mangsa secara drastik. Dalam kes Maria, dia menjadi sensitif terhadap bunyi bising dan menunjukkan tingkah laku menyendiri seperti dalam petikan (Ramlee Awang Murshid, 2005:468):

> Usia semuda itu, Maria mula menunjukkan perubahan... tidak boleh mendengar bunyi bising... lebih suka menyendiri dan bernyanyi seorang-seorang.

Gejala ini membuktikan kesan psikologi berpanjangan terhadap mangsa. Mereka sering berasa kotor, tidak disayangi, dan rendah diri. Perasaan ini menjadikan mereka sukar mempercayai orang lain serta sentiasa merasakan diri tidak layak untuk bahagia. Akhirnya, trauma yang mendalam ini mencetuskan gejala neurotisme dalam kehidupan dewasa, seperti yang ditunjukkan oleh watak Maria.

Kebimbangan Melampau (Anxiety)

Kebimbangan melampau atau *anxiety* merupakan antara punca utama berlakunya gejala neurotisme. Menurut Syarul Heiry Yahaya dan Norazah Umar (2022), ia merujuk kepada ketakutan terhadap sesuatu yang dianggap mengancam kestabilan hidup, walaupun ancaman itu tidak semestinya nyata. Individu yang mengalami kebimbangan akan merembeskan hormon adrenalin dan kortisol, yang seterusnya mencetuskan simptom kerisauan melampau. Keadaan ini biasanya berpunca daripada trauma, tekanan mental yang berpanjangan, atau faktor genetik.

Muhammad Wa'iz (2023) pula menegaskan bahawa gangguan kebimbangan boleh menjejaskan cara seseorang berfikir, merasa, bertindak serta menyebabkan gejala fizikal serius. Oleh itu, individu yang mengalami kebimbangan melampau memerlukan sokongan emosi yang menenangkan dan bukan tekanan tambahan yang boleh memburukkan keadaan.

Dalam *The Silent Patient*, watak Alicia Berenson mengalami kebimbangan melampau terhadap senjata api milik suaminya. Meskipun berulang kali merayu agar ia dibuang, suaminya tetap enggan, mendakwa ia memiliki nilai sentimental. Alicia tidak mempercayai alasan tersebut dan mula curiga bahawa senjata itu menyimpan niat tersembunyi (Michaelides, 2019:109):

> *But I never would have exploded if I hadn't found him cleaning the gun... I think there's another reason he's keeping it.*

> [Saya tidak akan mengamuk sedemikian jika saya tidak ternampak dia sedang membersihkan senapang itu... Saya percaya ada sebab lain mengapa dia masih menyimpan senapang itu.]

Kebimbangan ini berpunca daripada trauma Alicia semasa kecil apabila ibunya hampir membunuhnya dalam insiden cubaan bunuh diri. Ketidaksediaan suaminya memahami latar trauma ini telah memburukkan keadaan emosi Alicia, lalu mencetuskan konflik perkahwinan yang serius. Menurut Costa dan McRae (1992, hlm.419), tekanan luaran seperti masalah rumah tangga boleh membawa kepada kebimbangan dan ketegangan:

> *External stressors such as unemployment, marital problems, or everyday frustrations and pressures may, of course, lead to anxiety, tension, or worry...*

Hal ini membuktikan bahawa tekanan domestik yang tidak ditangani dengan empati berpotensi mencetuskan gejala neurotisme dalam individu yang sedia rapuh dari segi psikologi.

Kedua-dua novel thriller psikologi, *Rahsia Perindu* dan *The Silent Patient*, memaparkan gejala neurotisme dalam watak utama seperti kemurungan, permusuhan, pendedahan kepada tekanan, dan kebimbangan melampau. Namun, perkembangan gejala tersebut berbeza antara kedua-dua naratif. Dalam *Rahsia Perindu*, kemurungan Maria berpunca daripada trauma sejak kecil, manakala Rashdan menunjukkan permusuhan melalui rancangannya membalas dendam. Tekanan pula dilihat melalui latar keluarga Maria yang penuh keganasan, namun unsur kebimbangan melampau kurang ketara.

Sebaliknya, *The Silent Patient* memfokuskan kepada kebimbangan melampau menerusi Alicia Berenson yang trauma dengan kewujudan senjata api. Permusuhan muncul daripada pengkhianatan isteri terhadap suami, sementara kemurungan akibat trauma masa lalu menjadi tema yang mendalam dalam naratif. Justeru, meskipun kedua-dua novel memaparkan elemen neurotisme, cara manifestasinya berbeza, bergantung kepada latar, budaya dan struktur penceritaan masing-masing.

Selanjutnya, punca-punca neurotisme yang dijelaskan di atas menjadi pencetus kepada impak neurotisme yang dilakukan oleh watak-watak yang mengalami gejala neurotisme melalui kedua-dua buah novel yang dikaji. Namun begitu, melalui analisis teks, hanya beberapa aspek sahaja yang bersesuaian dengan teks di dalam data yang dikaji.

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa hanya empat punca neurotisme sahaja yang dikeluarkan kerana lebih bersesuaian dan bertepatan

Jadual 1 Punca Neurotisme yang diubah suai daripada novel Rahsia Perindu (2005) dan novel Rahsia Perindu (2005)

Punca Neurotisme	Novel *Rahsia Perindu* (2005)	Novel *The Silent Patient* (2019)
Kemurungan (*Depression*)	/	/
Permusuhan (*Hostility*)	/	/
Terdedah kepada Tekanan (Vulnerability to Stress)	/	
Kebimbangan Melampau (*Anxiety*)		/

dengan data-data yang dikaji. Kemurungan (*depression*) dan permusuhan (*hostility*) telah ditemukan dalam kedua-dua buah novel yang dikaji iaitu novel tempatan dan juga England. Kebimbangan melampau (*anxiety*) pula hanya terdapat melalui novel The Silent Patient sahaja dan aspek terdedah kepada tekanan (*vulnerability to stress*) pula hanya terdapat di dalam novel Rahsia Perindu (2005).

Kesan Neurotisme Terhadap Watak dalam Novel Thriller Psikologi Malaysia dan England

Gejala neurotisme boleh membawa kepada kesan negatif yang ketara, terutamanya dalam bentuk tingkah laku impulsif. Dimensi neurotisme merangkumi elemen seperti kemurungan, kebimbangan melampau, dan permusuhan yang sering berpunca daripada latar belakang kehidupan yang traumatik. Individu dengan tahap neurotisme yang tinggi lazimnya menunjukkan emosi yang tidak stabil seperti kemarahan dan kesedihan melampau.

Menurut Costa dan McRae (1992), gangguan personaliti berbeza daripada variasi personaliti normal kerana melibatkan proses psikopatologi yang unik. Individu dengan gangguan ini biasanya menunjukkan gaya kognitif tidak adaptif, dan dalam kes yang lebih serius, mereka mengalami gangguan seperti *borderline personality disorder*, paranoid atau skizotipal. Kesukaran dalam mengekalkan keseimbangan emosi dan hubungan sosial menyebabkan mereka berdepan gangguan dalam fungsi harian, dan seterusnya memperlihatkan impak gejala neurotisme secara lebih ketara.

Impulsif (Impulsiveness)

Impulsif atau *impulsiveness* merupakan perbuatan yang berada di dalam pecahan neurotisme. Impulsif merupakan perbuatan yang dilakukan mengikut perasaan tanpa berfikir. Individu yang bersifat impulsif cenderung bertindak secara spontan tanpa memikirkan kesan atau akibat jangka panjang. Menurut Airindya Bella (2022), perilaku impulsif adalah sikap ketika seseorang melakukan sesuatu tindakan tanpa memikirkan akibat daripada apa yang dilakukan.

Pembunuhan telah menjadi aktiviti yang sering dimainkan dalam novel *Rahsia Perindu*. Pembunuhan tidak mungkin terjadi sekiranya seseorang itu berada di dalam keadaan yang waras dan mampu berfikir secara sedar. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa watak-watak yang melakukan pembunuhan sedang berada di tahap impulsif di mana watak tersebut bertindak di luar kewarasan akal fikiran dan hanya mengikut kata hati semata-mata.

Melalui novel Rahsia Perindu, pembunuhan terjadi beberapa kali dan pelakunya merupakan orang yang sama iaitu Maria. Maria seperti yang telah dijelaskan, merupakan seorang wanita yang mempunyai latar belakang kehidupan yang tidak sempurna di mana dia pernah didera serta dirogol oleh bapanya sendiri. Perkara tersebut telah menjadikan Maria mempunyai kecelaruan identiti dan identiti keduanya bernama Leopard. Apabila pembunuhan dilakukan diri Maria akan bertukar menjadi watak Leopard iaitu watak yang lebih ganas. Leopard telah melakukan pembunuhan yang amat kejam ke atas Hamdan kerana telah merogol Maria. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan (Ramlee Awang Urshid, 2005:13):

> Hamdan masih bernyawa. Nafasnya berderu seperti seekor kerbau yang hampir putus nyawa. Matanya terbelalak memandang Leopard. Apabila Hamdan hendak bangkit, Leopard pantas memijak badan lelaki itu. Tanpa rasa belas kasihan Leopard mencabut pisau yang masih lekat di leher Hamdan. Ketika mata pisau itu ditarik, darah terpancut ke luar. Hamdan menjerit kesakitan.
>
> Leopard tunduk sampai ke telinga Hamdan. “Inilah hukumannya kerana menyakiti dan mengkhianti Maria,” bisik Leopard dan terus menghiris batang kerongkong Hamdan. Darah membuak lagi. Selajur lelaki itu kehilangan nyawanya dengan kelopak mata terbuka.

Petikan di atas telah menggambarkan insiden pembunuhan yang mengerikan yang dilakukan oleh Leopard iaitu watak kedua Maria kerana Maria mengalami kecelaruan identiti. Cara pembunuhan yang dilakukan Leopard terhadap Hamdan telah memperlihatkan ketidakwarasan Leopard. Pembunuhan tanpa belas kasihan itu jelas menunjukkan rasa dendam yang membara di dalam diri Leopard kerana dia telah berada di bawah pengaruh neurotisme.

Ulasan di atas membuktikan bahawa impak neurotisme, iaitu pembunuhan, merupakan sesuatu yang sepatutnya tidak terjadi. Namun, disebabkan latar hidup yang negatif, seseorang itu terpaksa hidup bersama-sama gejala neurotisme yang menjadi punca kejadian jenayah seperti membunuh. Apabila gejala neurotisme bermaharajalela di dalam diri seseorang, maka semakin menipislah pemikiran waras seseorang itu.

Novel *thriller* dari England penulisan Alex Michaelides turut memuatkan impak gejala neurotisme yang melibatkan pembunuhan. Pembunuhan merupakan perbuatan mencabut nyawa makhluk yang bernafas. Perbuatan mencabut nyawa berlaku disebabkan beberapa faktor seperti rasa tidak puas hati, marah dan lain-lain. Melalui novel *The Silent Patient* (2019), gejala neurotisme telah menghuni diri Alicia dan juga Theo. Gejala ini telah membuatkan kedua-dua watak mengotorkan tangan mereka serta telah menyebabkan berlakunya impak neurotisme, iaitu membunuh. Theo telah menyimpan dendam yang amat mendalam kepada lelaki yang merampas isterinya iaitu Gabriel yang juga merupakan suami kepada Alicia. Disebabkan Theo sudah terdedah dengan penderaan yang bersifat ekstrem yang dilakukan oleh bapanya sendiri, maka Theo merupakan seorang yang cenderung untuk melakukan keganasan sekiranya tiada kawalan dilakukan oleh dirinya. Ketika mengekori kedua-dua mereka di sebuah taman, Theo telah diganggu dengan bisikan bapanya yang menyuruh dia membunuh Gabriel. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan (Michaelides, 2019:223):

> *I thought of my father – I knew what he'd do in this situation. He'd murder the guy. "Be a man", I could hear my father shouting. "Toughen up". Was that what should I do? Kill him? Dispose of him?"*
>
> [Saya teringat tentang ayah saya. Saya tahu apa yang akan dilakukannya dalam situasi seperti ini. Dia pasti akan membunuh lelaki itu. "Jadi jantan", saya dapat mendengar pekikan ayah saya. "Kentalkan diri". Adakah itu yang sepatutnya saya lakukan? Membunuhnya? Menghapuskannya?]

Berdasarkan petikan di atas, Theo yang sudah sedia maklum dihantui kekejaman bapanya telah mendengar bisikan bapanya yang menyuruh dia membuktikan kelakiannya dengan membunuh Gabriel kerana telah merampas isterinya. Di sini sudah dapat dilihat bahawa trauma pada masa lalu merupakan punca yang mengakibatkan seseorang itu terdedah kepada neurotisme. Oleh itu, seseorang itu akan melakukan jenayah disebabkan oleh gejala neurotisme yang dialaminya.

Seterusnya, kerana kecurangan suami kepada Alicia, iaitu Gabriel sudah terbongkar, ia telah muwujudkan rasa kecewa yang amat mendalam di dalam diri Alicia. Alicia terlampau mempercayai Gabriel sebagai suaminya yang jujur, setia serta merupakan pelindungnya. Namun, setelah segalanya sudah terbongkar, Alicia merasakan bahawa Gabriel juga sama seperti manusia-manusia lain yang pernah hadir dalam hidupnya, iaitu manusia yang tidak mahukan dirinya dalam hidup mereka. Kekecewaan seorang isteri jelas terpancar sehingga membuatkan Alicia mengambil keputusan untuk membunuh suaminya serta-merta (Michaelides, 2019:283):

> *I saw it now. I would never be safe. Never be loved. All my hopes, dashed – all my dreams, shattered – leaving nothing, nothing. My father was right – I didn't deserve to live. I was – nothing. That's what Gabriel did to me.*
>
> *That's the truth. I didn't kill Gabriel. He killed me.*
>
> *All I did was pull the trigger.*
>
> [Kini , barulah saya sedar. Saya tidak akan pernah selamat. Tidak akan pernah dicintai. Segala harapan saya musnah. Semua impian saya hancur berkecai dan yang tinggal hanyalah kehampaan. Benar kata ayah; saya tidak layak untuk hidup. Saya hanyalah seorang manusia yang tiada apa-apa. Begitulah yang dilakukan oleh Gabriel terhadap saya.
>
> Itulah kebenarannya. Saya tidak membunuh Gabriel. Dialah yang membunuh saya.
>
> Apa yang saya lakukan hanyalah menarik picu.]

Petikan di atas telah mempamerkan bahawa berlakunya pembunuhan yang melibatkan seorang isteri yang dikhianati dan seorang suami yang mengkhianati. Alicia merasakan dirinya sememangnya tidak layak

menjalani kehidupan di dunia ini kerana sering menerima nasib yang malang sepanjang hidupnya. Disebabkan kesengsaraan perasaan yang dihadipinya sudah tidak mampu dibendung lagi, Alicia memutuskan untuk membunuh suaminya.

Jelaslah bahawa, pembunuhan merupakan impak gejala neurotisme yang dipengaruhi oleh sifat impulsif. Apabila seseorang tidak dapat mengawal emosi dan mempunyai skor tingkat neurotisme yang tinggi, maka sesuatu yang buruk akan terjadi seperti jenayah. Hal ini kerana, mereka tidak berada di dalam keadaan mental yang terkawal dan didorong oleh gelodak perasaan semata-mata. Impulsif yang merupakan ciri neurotisme menyebabkan tindakan dilakukan tanpa pertimbangan atau perancangan yang matang. Menurut Erlangga et al., (2022), walaupun pernyataan di atas menggambarkan kajian mengenai tingkah laku pembeli yang impulsif, namun, pernyataan tersebut juga boleh dikaitkan dengan sikap impulsif yang diakibatkan oleh watak-watak di dalam kedua-dua buah novel yang dikaji. Erlangga et al., (2022) mengatakan bahawa idividu yang memiliki tahap neurotisme yang tinggi cenderung untuk berbelanja secara impulsif. Dengan kata lain, semakin seseorang itu mudah cemas, tertekan atau emosinya tidak stabil, semakin besar kemungkinan mereka membeli sesuatu tanpa berfikir panjang. Namun, konsep impulsif ini juga boleh dikaitkan dengan tindakan watak-watak dalam kedua-dua novel yang dikaji. Dalam aspek kesusasteraan yang dikaji, ketidakstabilan emosi dan tekanan psikologi yang dialami watak-watak tertentu mendorong mereka bertindak di luar kawalan, tanpa memikirkan akibatnya. Hal ini menunjukkan bagaimana sifat impulsif yang berpunca daripada neurotisme bukan sekadar mempengaruhi tingkah laku harian, tetapi juga boleh membawa kepada tindakan yang lebih ekstrem dan berisiko. Dalam contoh pembunuhan yang dipaparkan melalui kedua-dua novel, watak-watak utama melakukan tindakan tanpa berfikir panjang tentang akibatnya, seperti Maria dalam Rahsia Perindu dan Alicia dan Theo dalam *The Silent Patient*. Mereka terjerumus dalam perbuatan yang kejam dan mengerikan akibat daripada gejala neurotisme yang mereka alami. Kesan neurotisme yang merupakan impulsif telah memainkan peranan penting dalam membentuk watak dalam novel *thriller* psikologi. Melalui penggambaran yang teliti, dapat melihat bagaimana latar belakang kehidupan dan pengalaman trauma dapat memperkuatkan gejala neurotisme dalam watak-watak ini, yang akhirnya membawa kepada tindakan yang membinaskan serta kejam.

Cara Watak Novel *Thriller* Psikologi Malaysia dan England Mengatasi Gejala Neurotisme

Gejala neurotisme sememangnya merupakan sesuatu yang telah lama bertapak dalam diri seseorang yang mempunyai penyakit mental. Neurotisme mendiami diri seseorang tidak kira siapa serta di mana lokalitinya. Sama seperti kedua-dua buah novel tempatan dan England yang dipilih ini, ia telah menunjukkan bukti kehadiran neurotisme dalam diri watak-watak yang menggerakkan penceritaan dalam novel. Namun begitu, terdapat perkara yang membezakan kedua-dua buah novel ini. Walaupun kedua-dua buah novel ini berkongsi punca dan impak yang hampir sama, tetapi cara watak-watak mengatasi masalah neurotisme amat berbeza. Hal ini disebabkan beberapa faktor seperti lokaliti, agama serta persekitaran.

Jika dilihat terlebih dahulu melalui novel *Rahsia Perindu* (2005) hasil karya Ramlee Awang Murshid, watak-watak dalam novel ini mencari jalan penyelesaian yang lebih baik berbanding novel *The Silent Patient* (2019). Hal ini disebabkan oleh latar belakang kehidupan di negara kita yang masih menitikberatkan akidah serta moral dan juga meletakkan agama sebagai rujukan dalam menjalani kehidupan. Watak-watak yang tercemar dengan gejala neurotisme berskor tinggi akhirnya berbalik kepada Allah SWT kerana Allah SWT merupakan Tuhan yang maha menyembuhkan segala penyakit yang ada di muka bumi ini. Ini dapat dilihat ketika Maria yang wataknya ketika itu menjadi Leopard masih ingin berusaha ke arah kebaikan di mana dia solat sewaktu berada di dalam tahanan (Ramlee Awang Murshid, 2005:196).

> Saya baru lepas berwuduk. Sempat bersembahyang. Selepas melakukan segala-galanya, jiwa saya rasa amat tenteram.

Selain itu, dapat dilihat juga ketika Harris mula sedar bahawa hanya Allah SWT yang mampu mengubati segala penyakitnya. Selepas beberapa lama berada dalam fasa tekanan, Harris akhirnya kembali kepada Allah SWT dan berjaya mendapatkan ketenangan jiwa yang dicari-cari. Walaupun kadang-kala dirinya masih tertekan, tetapi sekurang-kurangnya dengan kembali ke jalan Allah SWT, tekanan tersebut dapat dikurangkan (Ramlee Awang Murshid, 2005:247):

> Antara cara bijak mengurus tekanan adalah merehatkan diri mengikut keselesaan, mendengar muzik atau beriadah, lakukan senaman, luahkan perasaan pada seseorang yang memahami, makan makanan yang mengandungi vitamin C dan menangislah untuk menstabilkan

> emosi. Cara yang paling baik, solat dan zikirullah. Penyerahan kepada Allah adalah sebaik-baik penawar penyakit gangguan jiwa.

Menerusi petikan di atas, dapat kita lihat bahawa penulis memberitahu pembacanya melalui watak-watak tentang penyelesaian masalah neurotisme. Penulis bukan sahaja memfokuskan kepada penyelesaian secara agama Islam sahaja, malah beliau turut memberi penyelesaian dalam kaedah saintifik yang dapat mengurangkan gejala neurotisme dalam diri seseorang. Ramlee Awang Murshid sememangnya bijak dalam penulisan novelnya kerana beliau sering memasukkan fakta-fakta yang kadang-kala pembaca tidak tahu dan menjadi tahu selepas membaca karyanya.

Novel *The Silent Patient* karya Alex Michaelides yang diakui oleh para pembacanya sebagai sebuah novel yang berjaya menghasilkan *plot twist* terbaik pada zaman ini pula telah menunjukkan cara watak-watak mengatasi gejala neurotisme yang berbeza daripada karya tempatan. Hal ini kerana, di Barat, kebanyakan mereka mengamalkan fahaman sekularisme iaitu menurut Mohd Yusri Ibrahim (2019), merupakan suatu fahaman yang menjauhi nilai-nilai agama daripada segala aspek kehidupan. Perkara ini dapat dibuktikan apabila watak utamanya, iaitu Alicia Berenson dan juga Theo Faber cuba untuk mengatasi gejala neurotisme dengan mengambil bahan terlarang serta cubaan untuk membunuh diri. Perkara ini dapat dilihat apabila Theo yang dibesarkan dalam keganasan dan tidak pernah mendapat kasih sayang sewaktu kecil merasakan bahawa ganja (*marijuana*) merupakan bahan yang dapat membuatkannya gembira dan disayangi. Hal ini kerana, Theo seakan-akan menjadi khayal dan tidak perlu memikirkan apa-apa di dalam dakapan bahan terlarang tersebut. Ini dapat dibuktikan melalui petikan (Michaelides, 2019:75)

> *All kind of theories have been put forward about the origins of addiction. It could be genetic; it could be chemical; it could be psychological. But marijuana was doing seomething much more than soothing me; crucially, it altered the way I experienced my emotions; it cradled me and held me safe like a well loved child.*
>
> [Pelbagai teori telah dikemukakan mengenai asal usul ketagihan. Ia mungkin bersifat genetik; mungkin berpunca daripada ketidakseimbangan kimia; atau mungkin juga berpunca daripada faktor psikologi. Namun, ganja memberikan kesan yang jauh lebih mendalam daripada sekadar menenangkan saya; yang paling bererti, ia mengubah cara saya mengalami dan mentafsir emosi saya. Ia memeluk dan melindungi saya seperti seorang anak yang sangat disayangi.]

Seterusnya Alicia Berenson dipaparkan sebagai watak yang melakukan percubaan membunuh diri beberapa kali disebabkan tidak mampu menghadapi gejala neurotisme ini lagi. Neurotisme memberi tekanan yang amat dahsyat kerana ia seolah-olah membuatkan watak bergelut dengan minda waras dan minda yang tidak waras. Percubaan membunuh diri oleh Alicia dapat dilihat pada petikan (Michaelides, 2019:106):

> *Mood swings. Rages. Violent fits. She'd break things, smash stuff up. Gabriel told me she threathened to murder him on several occasions. I should have listened, done something – after she tried to kill herself, I should have intervened, insisted she got some help. But I didn't. Gabriel was determined to protect her, and like an idiot, I let him*
>
> *After her father died. She took an overdose... pills or something. I can't remember exactly. She had a kind of breakdown.*
>
> [Perubahan emosi yang mendadak. Ledakan kemarahan. Serangan ganas. Dia akan memecahkan barang, menghancurkan segala benda yang ada. Gabriel pernah memberitahu saya bahawa dia telah diugut bunuh oleh wanita itu beberapa kali. Saya sepatutnya mendengar, sepatutnya bertindak selepas percubaan membunuh diri yang pertama, saya seharusnya campur tangan, memaksa agar dia mendapatkan bantuan profesional. Tetapi saya tidak melakukannya. Gabriel begitu berkeras mahu melindunginya, dan saya pula, seperti orang dungu, membiarkannya.
>
> Selepas kematian bapanya, dia mengambil dos berlebihan... pil atau sesuatu seumpamanya. Saya tidak dapat mengingati dengan tepat. Dia mengalami sejenis keruntuhan emosi yang parah.]

Petikan di atas menunjukkan watak-watak di dalam novel *thriller* psikologi England telah mencari jalan penyelesaian yang kurang bermoral jika ingin dibandingkan dengan novel *thriller* psikologi tempatan bagi untuk menyingkirkan neurotisme daripada diri mereka. Alicia yang juga merupakan watak utama, telah beberapa kali melakukan cubaan untuk membunuh diri disebabkan merasakan dirinya tidak layak hidup. Perbuatan kedua-dua watak ini telah menunjukkan bahawa mereka sebenarnya tewas dengan gejala neurotisme itu sendiri. Hal ini kerana, penyelesaian yang digunakan tidak memberikan faedah kepada diri sendiri, malah, lebih memudaratkan diri sendiri.

Natijahnya, perbezaan dalam cara mengatasi gejala neurotisme melalui kedua-dua buah novel yang dikaji dapat dilihat daripada pelbagai aspek.

Pertama, terdapat perbezaan dalam nilai dan kepercayaan masyarakat tempatan dan Barat. Dalam novel tempatan, nilai agama dan moral menjadi asas utama dalam penyelesaian masalah neurotisme. Watak-watak dalam *Rahsia Perindu* (2005) mengatasi gejala neurotisme dengan kembali kepada ajaran agama Islam, seperti solat dan berzikir. Ini menunjukkan bahawa dalam masyarakat tempatan, agama menjadi panduan utama dalam menghadapi masalah mental yang merupakan gejala neurotisme. Melalui novel dari Barat seperti *The Silent Patient* pula, kebanyakan watak mendepani gejala neurotisme melalui pendekatan yang bersifat sekular dan materialistik. Hal ini dapat dilihat melalui kecenderungan sesetengah watak menggunakan bahan terlarang dan melakukan tindakan yang berisiko terhadap diri sendiri. Namun begitu, terdapat juga elemen yang menunjukkan usaha pemulihan seperti mengatur perjumpaan bersama doktor psikiatri sebelum gejala neurotisme dalam diri watak menjadi lebih tidak terkawal. Sebagai contoh Gabriel, iaitu suami kepada Alicia memaksa Alicia untuk berjumpa doktor psikiatri, Dr. West (Michalides, 2019:199):

> *Gabriel shook his head, like he didn't believe me. "I'm going to make an appointment with Dr. West. As soon as he can see you. Today if possible.*
>
> [Gabriel menggelengkan kepala, seolah-olah dia tidak mempercayai saya. "Saya akan buatkan janji temu dengan Dr. West. Secepat mungkin. Hari ini kalau boleh.]

Perkara ini memperlihatkan usaha rawatan awal psikologi yang lebih berstruktur dalam menangani isu kesihatan mental dalam masyarakat Barat. Walaupun jika ingin dibandingkan dengan aspek tempatan, agama yang memainkan peranan penting sebagai sumber ketenangan dan panduan dalam mengatasi cabaran mental. Oleh itu, pendekatan dalam kedua-dua novel ini menunjukkan perbezaan dalam kaedah penyelesaian masalah neurotisme, bergantung pada latar budaya dan sistem kepercayaan yang melatari karya tersebut. Kedua, terdapat perbezaan dalam persekitaran dan sokongan sosial yang diterima oleh watak-watak dalam kedua-dua novel tersebut. Dalam Rahsia Perindu, watak-watak mendapat sokongan moral dan emosional daripada komuniti serta rujukan kepada agama sebagai sumber ketenangan. Sebaliknya, dalam *The Silent Patient*, watak-watak cenderung menjadi terpinggir atau tidak mendapat sokongan yang mencukupi, yang mendorong mereka untuk mengambil langkah-langkah yang tidak sihat dalam mengatasi masalah neurotisme. Seterusnya, perbezaan dalam cara

mengatasi gejala neurotisme juga boleh disebabkan oleh perbezaan dalam naratif dan tujuan penulisan kedua-dua novel. Rahsia Perindu bertujuan untuk menyampaikan pesanan positif mengenai pentingnya agama dan moral dalam menghadapi cabaran hidup, sementara *The Silent Patient* bertujuan untuk menggambarkan kompleksiti dan kegelapan psikologi manusia. Perbezaan dalam cara mengatasi gejala neurotisme dalam kedua-dua novel tersebut mencerminkan perbezaan dalam nilai, budaya dan pendekatan terhadap masalah mental antara masyarakat tempatan dan Barat.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis dapatan kajian yang telah dilaksanakan melalui pendekatan *The Big Five Personality* oleh Paul Costa dan Robert McRae (1992), dapat dirumuskan bahawa kajian ini memperlihatkan perbandingan antara novel *thriller* psikologi Malaysia dan England. Tujuan novel tempatan dan England dipilih sebagai data kajian neurotisme ini adalah untuk melihat bagaimana penulis kedua-dua buah novel ini menunjukkan perilaku neurotisme watak-watak di dalam novel dan apakah cara yang digunakan untuk diatasi. Kehebatan Ramlee Awang Murshid terletak pada keupayaannya mengolah unsur keagamaan dan kepercayaan sebagai medium penyembuhan, sekali gus menjadikan elemen spiritual sebagai aspek penting dalam pemulihan watak. Sementara itu, Alex Michaelides berjaya membina ketegangan psikologi yang kuat dengan naratif yang penuh kejutan, memperlihatkan neurotisme dalam bentuk yang lebih misteri dan tragis. Kedua-dua pengarang memperlihatkan kecemerlangan dalam menggambarkan konflik dalaman watak, menjadikan neurotisme bukan sekadar elemen sampingan tetapi sebagai pendorong utama perkembangan cerita. Pendekatan yang berbeza melalui kedua-dua novel ini memberikan gambaran yang kaya dengan isu kesihatan mental, sesuai dengan latar budaya dan kepercayaan yang melatari karya mereka.

Perbezaan dalam cara mengatasi gejala neurotisme melalui kedua-dua buah novel yang dikaji dapat dilihat daripada pelbagai aspek. Pertama, terdapat perbezaan dalam nilai dan kepercayaan masyarakat tempatan dan Barat. Dalam novel tempatan, nilai agama dan moral menjadi asas utama dalam penyelesaian masalah neurotisme. Watak-watak dalam *Rahsia Perindu* mengatasi gejala neurotisme dengan kembali kepada ajaran agama Islam, seperti solat dan berzikir. Hal ini menunjukkan

bahawa dalam masyarakat tempatan, agama menjadi panduan utama dalam menghadapi masalah mental. Di sisi lain, dalam novel Barat seperti *The Silent Patient*, kebanyakan watak cenderung menggunakan pendekatan yang bersifat sekular dan materialistik dalam mengatasi masalah neurotisme. Mereka mencari penyelesaian melalui penggunaan bahan terlarang dan tindakan yang tidak bermoral, seperti percubaan membunuh diri. Hal ini mencerminkan pendekatan individualistik dan materialistik yang dominan dalam masyarakat Barat. Kedua, terdapat perbezaan dalam persekitaran dan sokongan sosial yang diterima oleh watak-watak dalam kedua-dua novel tersebut. Dalam *Rahsia Perindu*, watak-watak mendapat sokongan moral dan emosional daripada komuniti serta rujukan kepada agama sebagai sumber ketenangan. Sebaliknya, dalam *The Silent Patient*, watak-watak cenderung menjadi terpinggir atau tidak mendapat sokongan yang mencukupi, yang mendorong mereka untuk mengambil langkah-langkah yang tidak sihat dalam mengatasi masalah neurotisme. Seterusnya, perbezaan dalam cara mengatasi gejala neurotisme juga boleh disebabkan oleh perbezaan dalam naratif dan tujuan penulisan kedua-dua novel. *Rahsia Perindu* bertujuan untuk menyampaikan pesanan positif mengenai pentingnya agama dan moral dalam menghadapi cabaran hidup, sementara *The Silent Patient* bertujuan untuk menggambarkan kompleksiti dan kegelapan psikologi manusia tanpa memberikan penyelesaian yang jelas atau positif. Secara keseluruhan, perbezaan dalam cara mengatasi gejala neurotisme dalam kedua-dua novel tersebut mencerminkan perbezaan dalam nilai, budaya dan pendekatan terhadap masalah mental antara masyarakat tempatan dengan Barat.

Kajian yang dilaksanakan ini merupakan salah satu usaha bagi membuka mata para sarjana tentang keunikan kajian gabungan sastera dan saintifik. Kedua-dua buah novel yang dikaji merupakan novel-novel *thriller* psikologi popular yang belum wujud kajian tentangnya yang melibatkan neurotisme. Neurotisme dilihat sebagai sesuatu yang masih kurang dikaji walaupun gejala ini sebenarnya amat rapat dengan masyarakat. Untuk kajian akan datang, kajian perbandingan tentang neurotisme dalam sastera antara dua buah negara di Timur dilihat menarik kerana melibatkan negara mempunyai persamaan yang tinggi disebabkan keserumpunan yang telah wujud sejak lama dahulu. Kajian perbandingan tersebut sedikit sebanyak akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana nilai-nilai budaya dan pengalaman sosial mempengaruhi gejala neurotisme.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia atas sokongan yang diberikan dalam penulisan makalah ini.

SUMBANGAN PENULIS

Nurafrina Abdul Aziz: Reka bentuk kajian, analisis teks dan tafsiran dapatan kajian. **Rohaya Md. Ali**: Semakan substansial dalam penerapan teori psikologi terhadap watak-watak kajian serta semakan semula draf artikel dari segi kandungan intelektual. **Mohamed Nazreen Shahul Hamid**: Bimbingan keseluruhan proses penulisan, semakan dan memperkukuh kandungan artikel, serta memastikan integriti dan kualiti akademik dipelihara. Ketiga-tiga penulis turut meluluskan versi akhir artikel dan bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap ketepatan dan integriti keseluruhan karya. Kolaborasi ini telah menghasilkan kajian yang komprehensif dan merentas disiplin.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebagai konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

Airindya Bella. (2022). Kenali tanda dan cara mengatasi perilaku impulsif. Alodokter. Diakses daripada https://www.alodokter.com/kenali-tanda-dan-cara-mengatasi-perilaku-impulsif.

Costa, P. T., & McCrae, R. R. (1978). Objective personality assessment. Dalam M. Storandt, I. C. Siegler, & M. F. Elias (Eds.), *The clinical psychology of aging* (pp 119-143). Plenum Press.

Costa, P. T., & McCrae, R. R. (1992). The five-factor model of personality and its relevance to personality disorders. *Journal of Personality Disorders, 6*(4), 343–359. https://doi.org/10.1521/pedi.1992.6.4.343.

Erlangga, E. B., Persada, S. F., Apriyansyah, B., & Lin, S. C. (2022). The effect of consumer intrinsic factors on impulsive buying behavior in online marketplace: Case study of Shopee consumers. *Asian Journal of Research in Business and Management, 4*(3), 111-125. https://doi.org/10.2991/aebmr.k.211226.024.

Fatin Zahra. (2023). Amang seksual fizikal sama dengan gangguan seksual? kenal pasti 5 tanda ini!. *Hello Doktor*. Diakses daripada https://hellodoktor.com/kesihatan-mental/hubungan-yang-sihat/apa-maksud-amang-seksual-fizikal/.

Firdaus Abdul Ghani. (2013). Memahami Masalah Kesihatan Mental. *MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia*. Diakses daripada http://www.myhealth.gov.my/memahami-masalah-kesihatan-mental/.

Goldberg, Lewis R.. (1990). An alternative "description of personality": the big-five factor structure. *Journal of Personality and Social Psychology 1990, 59*(6), 1216-1229.

Hafizah Iszahanid. (2019). Novel *thriller*, seram, cinta kuasai pasaran Malaysia. *Berita Harian*. https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/01/525743/novel-thriller-seram-cinta-kuasai-pasaran-malaysia

Kementerian Kesihatan Malaysia. (2012). Kemurungan apa yang anda perlu tahu. *Kementerian Kesihatan Malaysia*. Diakses daripada https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Rujukan/NCD/Kesihatan%20Mental/Kemurungan_-_Apa_Yang_Anda_Perlu_Tahu.pdf.

Michaelides, A. (2019). *The Silent Patient*. Celadon Books.

Mohd Yusri Ibrahim. (2019). Sekularisme: Faktor, penyebaran dan langkah mengatasinya dari sudut pandang Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language, 2*(8), 202-216.

Muhammad Wa'iz. (2023). Apa itu penyakit anxiety attack: cara menangani serangan anxiety jika ia berlaku tiba-tiba. *Hello Doktor*. Diakses daripada https://hellodoktor.com/kesihatan-mental/gangguan-kegelisahan/apa-itu-penyakit-anxiety/.

Mukmin. (2022). Sifat pendendam jadikan jiwa keras dan kotor. *Majoriti.com.my*. Diakses daripada https://majoriti.com.my/mukmin/2022/08/05/allah-hilangkan-sifat-dendam-dalam-hati-ahli-syurga.

Nielsen BookScan. (2018). *UK books and consumer survey*. Nielsen Holdings.

Ramlee Awang Murshid. (2005). *Rahsia Perindu*. Alaf 21.

Rosli Abd Manas, Abdul Halim Ali, Ghazali Din, & Miftachul Huda. (2021). Features of islamic *thriller* in the novel of Ayat-Ayat Cinta (Love Verses). *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry (TOJQI), 12*(5), 187–226.

Samsiah Mohd Jais, Nurul Hidayu Mohammad, Aisyah Mohammad, & Mohd Nasir Bistamam. (2015). Gaya keibubapaan dan neurotik dalam kalangan remaja. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling), 8*, 1–18.

Syarul Heiry Yahaya & Norazah Umar. (2022). Kenali apa itu kebimbangan dan kemurungan. e-Buletin JSKM volume 8, 2022e-ISSN : 2637-007.

Umar Mukhtar Mohd Noor. (2016). Bayan linnas siri ke-49: perbezaan itu sewajarnya menatijahkan permusuhan?. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Diakses daripada https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/1830-bayan-linnas-siri-49-perbezaan-itu-sewajarnya-menatijahkan-permusuhan.

Widiger, T.A. & Oltmanns, J.R. (2017). Neuroticism is a fundamental domain of personality with enormous public health implications. *World Psychiatry Journal, 16*(2), 144–145.